

# Tanggungjawab Pemimpin Masyarakat

Ahmad Rosnizam Mat Stu  
Muhammad Fitri Mansul  
Nurazmallail Marni

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, nurazmal@utm.my

## Suggested Citation:

Mat Stu, Ahmad Rosnizam; Mansul, Muhammad Fitri; & Marni, Nurazmallail. (2019). *Tanggungjawab Pemimpin Masyarakat*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019 dengan tema 'Ke Arah Pembentukan Masyarakat Cemerlang' bertempat di 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur, pada 18 Ogos 2018: 267-280, ISBN: 978-967-2171-91-1.

## Abstract

Semua manusia dimuka bumi ini dilahirkan sebagai seorang khalifah yang ditugaskan untuk memimpin dan memikul tanggungjawab sebagai umat manusia serta hamba Allah SWT yang patuh kepada suruhannya. Tanggungjawab ini dikurniakan atas sandaran akal yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia. Seharusnya manusia jelas dan muhasabah atas anugerah yang terindah ini jika dibandingkan dengan makhluk lain ciptaan Allah SWT. Jesteru, tanggungjawab yang bagaimana harus dilaksanakan oleh manusia? Adakah sekadar menjadi pemimpin kepada diri sendiri sahaja, keluarga, atau keutamaannya kepada masyarakat? Persoalan yang mesti dijawab oleh setiap umat manusia kini dan akan datang. Melihat perubahan dunia yang semakin bergerak pantas seperti sea-kan tiada penghujung, konsep kepimpinan dan tanggungjawab sebagaimana yang dianjurkan Islam bagi menjamin kesejahteraan kepimpinan dan institusi kemasyarakatan tersebut berjaya dan dilindungi Allah SWT. Setiap pemimpin juga perlu sedar dan tahu apa fungsi dan peranan yang harus dimainkan dalam memastikan kepimpinan menjadi sebuah entiti yang mampu membawa kebaikan serta manfaat menyeluruh kepada semua. Pemimpin juga perlu tahu persiapan dan panduan utama yang perlu diikuti agar perancangan yang dibentuk mampu menjadikan generasi mendatang lebih cemerlang dalam suasana masyarakat yang harmoni. Apa petunjuk daripada al-Quran yang perlu diambil berat oleh setiap pemimpin masyarakat akan dikupas bagi memastikan ianya dapat dijadikan panduan kepada pemimpin dan masyarakat dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Selain daripada itu, kupasan terhadap Hadis Rasulullah juga menjadi keutamaan dalam mencari resolusi dan panduan sebagai pemimpin bersama masyarakat. **Kata Kunci:** Tanggungjawab, pemimpin, adil, kebajikan, amar makruf nahi mungkar

## References

- Abdillah Azizy, Ahmad Qodri. (2004). *Membangun Fondasi Ekonomi Umat: Meneropong Prospek Berkembangnya Ekonomi Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Abdullah, Mohamad Hafeezi, Rohaizan, Yuzairy Rozaidi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Wanita dan Politik*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Bakar, Junaidi. (1993). *Mahasiswa, Politik dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Alias, Hasbullah Hafiz, Abdul Hamid, Mohd Hakimi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Melayar Keluarga yang Cemerlang dalam Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Amal, T.A., & Panggabean, S.R. (2004). *Politik syariat Islam: dari Indonesia hingga Nigeria*. (Sila letak nama Tempat): Pustaka Alvabet.
- As-Sirjani, Prof. Dr. Raghid. (2009). *Sumbangan Peradaban Islam pada Dunia*. In Pustaka Al-Kautsar (Ed.): Penerbit Buku Islam Utama.

- Buang, Amriah. (2005). Globalisasi Ekonomi dan Impaknya kepada Ruang Budaya Bandar Malaysia. *GEO-GRAFIA Online*, 1(1), 46-55.
- Buchori, Didin Saefuddin. (2009). Sejarah Politik Islam.
- Fink, H. (1992). *Falsafah Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, Nik Karimah binti Nik. (2013). *Kepimpinan Mengikut Perspektif Islam*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Genting Highlands.
- Idris, Mohd Rafizan, Abd Rashid, Ramayadi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Konsep Amal Makruf dan Nahi Mungkar untuk Pembentukan Masyarakat Cemerlang*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Menjejaki Kecemerlangan Rasulullah S.A.W. dalam Pendidikan Keluarga Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Sambutan Maulid al-Rasul, Perkarangan Masjid Jamek Ladang Sri Gading Pekan Sri Gading Batu Pahat Johor. [http://eprints.utm.my/41143/1/JasmiKA2005\\_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdlmPendidikan.pdf](http://eprints.utm.my/41143/1/JasmiKA2005_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdlmPendidikan.pdf)
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Bukti Kewujudan Allah dan Kebenaran Al-Quran: Surah al-Baqarah (2: 21-25)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 2: Program Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018c). *Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah al-Baqarah (1: 1-5)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018d). *Hakikat Penciptaan Manusia dan Alam: Al-Baqarah (2: 28-29)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 8: Program Budaya al-Quran. 20hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018e). *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018f). *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)* (Vol. 1). Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018g). Karakter 7B Mukmin Cemerlang. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018h). *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas kerja Dibentangkan di Program Budaya al-Quran. 27hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018i). *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 9: Program Budaya al-Quran. 27hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018j). *Metode Pengajaran Terbaik Buat Golongan Fasiq: Al-Baqarah (2: 26-27)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 7: Program Budaya al-Quran. 13hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018k). *Metode Pengajaran Terbaik untuk Golongan Fasiq: Surah al-Baqarah (2: 26-27)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018l). *Penentang Kemukjizatan al-Quran Tempah Neraka: Al-Baqarah (2: 23-25)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 6: Program Budaya al-Quran. 30hb. Ogos 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018m). *Perseteraan Iblis Terhadap Manusia: Al-Baqarah (2: 34-39)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 10: Program Budaya al-Quran, 25hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018n). *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 11: Program Budaya al-Quran, 22hb. November 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019a). *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 24: Program Budaya al-Quran, 4hb Julai 2019, Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019b). *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019c). *Hakikat Sebenar Agama Nabi Ibrahim AS: Surah al-Baqarah (2: 130-135)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 26: Program Budaya al-Quran, 18hb Julai 2019, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019d). *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 23: Program Budaya al-Quran, 4hb April 2019, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019e). *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019f). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Hong, Foo Chee, & Shamsuddin, Shazmeen Daniar. (2012, 22 September 2012). *Perkembangan Sosial Anak dan Hubungannya dengan Rakan Sebaya*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Razi, Mohd. Rafeez, & Shidun, Mohamad Shafiq. (2012, 22 September 2012). *Toleransi dan Aktiviti Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Saleh, Siti Fauziyani Md, & Ismon, Masrom Zanaria. (2017). *Kemahiran Menyeluruh Remaja dalam Kehidupan*. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Pembangunan Kemahiran Diri Remaja Menurut Islam* (Vol. 3, pp. 89-112). Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Suratman, Azmi Shah. (2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif Al-Imam-Al-Nawawi*.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Jusoh, Yahaya, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pendidikan Politik dan Khilafah Islam dalam Pelbagai Perspektif*. Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Kadri, Zarina, Ahmad, Sanep, & Mohd Noor, Mohd Ali (2012). *Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Jilid 2*.
- Kamus Dewan*. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Letchumanan, Usha Devi, Zulkifli, Zaki, & Basiron, Bushrah. (2019). *Pendidikan Anak-Anak dalam Keluarga: Peranan Ibu Bapa*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, Jasmi, Kamarul Azmi, & A Shukor, Khairunnisa. (2013, 17-18 September 2013). *Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kertas Kerja Dibentangkan di Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13], The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Saiden, Shahrulnizam, Aswan, Ruslan, & Marni, Nurazmallail. (2019). *Peranan Non-Government Organisation (NGO) Dalam Komuniti Masyarakat Menurut Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon, Kawangit, Rosli Saadan, Zanariah Jan, Razaleigh Muhamat @, A'dawiyah Ismail. (2015). *Teori Gaya Kepimpinan Barat Diadaptasi Daripada Teori Gaya Kepimpinan Islam (Al-Quran)*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka, Malaysia.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustari, Mohd Ismail, Balakrishnan, Prabakar, & Sundar, Sri Theran. (2015). *Mahasiswa dan Kegiatan Sosial*. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam: Penampilan, Kesihatan, dan Kegiatan Sosial* (Vol. 3). Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Nawawi, Razali. (1983). *Pendekatan Islam terhadap keadilan sosial*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Nuridin, Ridwan. (2014). *Kualiti Kehidupan Kerja, Kesetiaan Pekerja Dan Kepemimpinan Bertauhid*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Tubah, Jamaludin. (2006). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributers Sdn Bhd.
- Saari, Che Zarrina, & Borhan, Joni Tamkin. (2003). Pembangunan Ekonomi Masjid (Economic Development of Mosque). In Norrodzoh Siren & Yusmini Md Yusoff (Ed.), *Pembangunan Institusi Masjid (Development of Mosque Institution)* (pp. 43-58). Kuala Lumpur: Dept. Of Dakwah and Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
- Sahat, Yusri. (2011, 23/01/2011). Tegakkan Keadilan Sosial. Retrieved from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=0123&pg=mh\\_01.htm&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&y=2011](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=0123&pg=mh_01.htm&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&y=2011)
- Samed, Murni Hayati , Salman, Maziah Mohd , & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Konsep Amar Makruf dan Nabi Mungkar dalam Kerukunan Keluarga*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Sanip, Siti Faraiza, Abu Bakar, Halimahtun Saadiah, & Ihwani, Siti Suhaila. (2018). *Perkembangan Sains, Hukum, Teknologi dan Ekonomi di Dunia Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun Islam 2018, Bilik Kuliah 6, Blok N28, Universiti Teknologi Malaysia.
- Shukeri Mohamad, Ahmad Najib Abdullah, Mohamad Azrien Mohamed Adnan. (2012). *Rahsia Kepimpinan Islam dan Kejayaan Negara Menurut Huraian al-Quran*. 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012.
- Siron, Rusinah. (2010). Remaja dan Masalah Sosial. *Utusan Malaysia*.
- Suhana Mohamed, Norhayatie Ramlee, Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen. (Disember 2012). *Isu-Isu Kontemporari Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu*. UTeM, Johor, Malaysia.
- Tobah, Selma. (2015). *Muslim Leaders' Understandings of Mental Health, Mental Illness, and Depression in Immigrant Women and Those Found in Consumer Health Materials: A Discourse Analysis*. (Graduate Program), Western University.
- Wei, Se Kuan, Yoong, Chin Sam, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 22 September 2012). *Semangat Kekitaan dalam Sesebuah Keluarga*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaid, Siti Salwa, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Pendidikan Sosial Menurut Imam al-Nawawi: Satu Kajian Teks terhadap Kitab Riyad al-Salihin*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zakaria, Ahmad Tarmizi Bin. (2017). *Metodologi Kepimpinan Menurut Al-Qur'an*. Universiti Malaysia Selangor, Selangor.
- Zambri, Zairie Sahira, Abdullah, Fazlin, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Kemahiran Penting Ibu Bapa untuk Pembentukan Keluarga Cemerlang*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.

# 20

## TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN MASYARAKAT

Ahmad Rosnizam Mat Stu  
Muhammad Fitri Mansul  
Nurazmallail Marni

### Abstrak

*Semua manusia dimuka bumi ini dilahirkan sebagai seorang khalifah yang ditugaskan untuk memimpin dan memikul tanggungjawab sebagai umat manusia serta hamba Allah SWT yang patuh kepada suruhannya. Tanggungjawab ini dikurniakan atas sandaran akal yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia. Seharusnya manusia jelas dan muhasabah atas anugerah yang terindah ini jika dibandingkan dengan makhluk lain ciptaan Allah SWT. Jesteru, tanggungjawab yang bagaimana harus dilaksanakan oleh manusia? Adakah sekadar menjadi pemimpin kepada diri sendiri sahaja, keluarga, atau keutamaannya kepada masyarakat? Persoalan yang mesti dijawab oleh setiap umat manusia kini dan akan datang. Melihat perubahan dunia yang semakin bergerak pantas seperti seakan tiada penghujung, konsep kepimpinan dan tanggungjawab sebagaimana yang dianjurkan Islam bagi menjamin kesejahteraan kepimpinan dan institusi kemasyarakatan tersebut berjaya dan dilindungi Allah SWT. Setiap pemimpin juga perlu sedar dan tahu apa fungsi dan peranan yang harus dimainkan dalam memastikan kepimpinan menjadi sebuah entiti yang mampu membawa kebaikan serta manfaat menyeluruh kepada semua. Pemimpin juga perlu tahu persiapan dan panduan utama yang perlu diikuti agar perancangan yang dibentuk mampu menjadikan generasi mendatang lebih cemerlang dalam suasana masyarakat yang harmoni. Apa petunjuk daripada al-Quran yang perlu diambil berat oleh setiap pemimpin masyarakat akan dikupas bagi memastikan ianya dapat dijadikan panduan kepada pemimpin dan masyarakat dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Selain daripada itu, kupasan terhadap Hadis Rasulullah juga menjadi keutamaan dalam mencari resolusi dan panduan sebagai pemimpin bersama masyarakat.*

**Kata Kunci:** Tanggungjawab, pemimpin, adil, kebajikan, amar makruf nahi mungkar

### PENGENALAN

Setiap manusia dimuka bumi ini dijadikan oleh Allah SWT sebagai pemimpin (Jasmi, 2002; Jusoh & Jasmi, 2006; Jasmi & Suratman, 2007; Jasmi, 2018g, 2018h, 2019f). Sejarah awal manusia semenjak Nabi Adam AS hingga hari ini memperlihatkan bahawa sejak dahulu hingga sekarang manusia hidup berkelompok-kelompok dan memerlukan seseorang pemimpin. Sifat Kepimpinan ini dijadikan dalam diri setiap manusia melalui cara yang berbeza dan mengikut keadaan yang sesuai dengan cara dan kehidupan manusia itu sendiri. Ianya juga tidak terhad kepada jantina sama ada lelaki mahupun perempuan dan juga tidak terikat dengan usia muda ataupun tua. Pemimpin dan kepimpinan tidak dapat dipisahkan kerana ianya melambangkan pemimpin itu sendiri. Kepimpinan adalah kaedah dan cara yang digunakan oleh pemimpin itu dalam membentuk institusi tersebut (Jasmi, 2005; Rashid *et al.*, 2006; Jasmi & Md Salleh, 2007; Wei *et al.*, 2012). Satu hadis menjelaskan (Al-Bukhari, 2001: 713; Muslim, t.th.: 1829):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، رضي الله عنه: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ، قَالَ: «أَلَا كُتُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْإِمَامُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى أَهْلِ بَيْتِ زَوْجِهَا، وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ، وَعَبْدُ الرَّجُلِ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ، أَلَا فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.»

Maksud: *Ibn 'Umar RA menceritakan daripada Nabi SAW dengan sabdanya, "Setiap kamu adalah pemimpin. Setiap kamu juga akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepimpinannya. Seorang imam bertanggungjawab dan akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepimpinannya. Seorang lelaki bertanggungjawab terhadap keluarganya dan akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepimpinannya. Seorang wanita bertanggungjawab terhadap urusan di rumah suaminya, dan seorang hamba bertanggungjawab ke atas harta tuannya dan akan dipertanggungjawab tentangnya. Ketahuilah, setiap seseorang bertanggungjawab dan akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepimpinannya."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Pemimpin merupakan kelompok yang paling dihormati dalam sesuatu institusi. Pemimpin mampu mencorak institusi atau organisasi dengan pelbagai cara dan kaedah yang menjadikan institusi itu dikenali dalam pelbagai persepsi dan dimensi. Pemimpin kebiasaannya mengawal dan membentuk institusi dengan struktur kepimpinan yang berbeza-beza berdasarkan tingkah laku dan latar belakang kehidupan setiap pemimpin itu. Corak yang dibentuk kadangkala tegas, keras, lemah lembut dan kadangkala penuh diplomasi. Setiap pemimpin mempunyai tanggungjawab berbeza bergantung kepada keperluan institusi itu sendiri. Setiap tanggungjawab yang ada hendaklah dipegang dan dilaksanakan dengan berkesan dalam menjamin keutuhan institusi tersebut. Kepimpinan dalam Islam dilihat secara menyeluruh melibatkan kepimpinan menegak, dalaman dan melintang yang menjuruskan manusia kepada Tuhan, sesama manusia dan lain-lain makhluk (Zakaria, 2017). Tanggungjawab ini amatlah berat dan berbeza untuk setiap peringkat pemimpin sekiranya ia melibatkan suatu institusi yang besar dan melibatkan kelompok masyarakat yang ramai. Masyarakat juga mengharapkan kepimpinan ini mencapai objektif yang ingin dicapai dan menilai keberkesanan kepimpinan itu melalui kejayaan yang dikecapi. Semua ini tidak akan terlaksana tanpa usaha dan kerja kuat dari setiap kepimpinan itu dalam memastikan setiap kumpulan masyarakat melaksanakan tanggungjawab mereka. Perkara ini dijelaskan berdasarkan ayat al-Quran berikut:

إِنَّ خَيْرَ مَنْ أَسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

Maksud: *Sesungguhnya sebaik-baik pekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.*

(Surah al-Qasas, 28: 26)

Setiap pemimpin mempunyai kaedah dan cara yang sangat berbeza. Sesetengah pemimpin mencapai objektif melalui kemahiran kepimpinan itu sendiri dan ada juga yang disokong oleh kekuatan kepimpinan bawahannya yang mampu melaksanakan tugas dengan berkesan dalam memastikan institusi mencapai objektif yang disasarkan. Setiap pemimpin tidak dilahirkan dengan kemahiran memimpin dan ianya juga boleh dibentuk dan dilatih. Setiap latihan juga menjadikan pemimpin lebih baik. Namun kadangkala ianya tidak mencapai kehendak yang diinginkan kerana ianya berasaskan jatidiri setiap pemimpin itu untuk menyerap dan menerima. Islam juga

menggariskan pemimpin sebagai kelompok yang sangat tinggi dimana ianya memikul tanggungjawab yang besar dan perlu dihormati sesuai dengan kaedah dan caranya. Dalam membentuk kepimpinan yang terbaik, dua perkara perlu diberikan keutamaan, iaitu melibatkan ibadah kepada Allah SWT dan kerjasama pengikut terkadap kepimpinan itu sendiri. Hal ini adalah amat penting kerana kedua bahagian ini jika dibentuk secara bersama akan mewujudkan keharmonian menyeluruh antara manusia dan Tuhan dan sesama manusia (Shukeri Mohamad, 2012). Islam menggariskan beberapa ayat yang berkaitan pemimpin dan kepimpinan serta contoh-contoh yang baik dalam al-Quran sebagai contoh dan tauladan yang harus untuk setiap pemimpin. Al-Quran juga menceritakan pemimpin sebagai model utama kepada masyarakat dan asas kepimpinan itu mestilah berlandaskan al-Quran dan Hadis sebagai panduan utama. Perkara ini dijelaskan berdasarkan ayat al-Quran berikut:

وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا  
عَلِيدِينَ ﴿٧٣﴾

Maksud: Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan sembahyang, serta memberi zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami. (73).

(Surah *al-Anbiya'*, 21: 73)

Justeru, setiap pemimpin perlu jelas tentang tanggungjawab terhadap masyarakat sepenuhnya demi memastikan segala tuntutan yang ditekankan oleh Allah SWT kepada mereka sebagai pemimpin dilaksanakan berlandaskan Syariat agama sepenuhnya.

## PENGERTIAN PEMIMPIN

Mengikut *Kamus Dewan* (2005) pemimpin ialah orang yang memimpin, membimbing, menuntun, mengepalai dan melatih. Kepimpinan pula membawa erti gelaran yang diberikan kepada orang yang berada di tempat pemimpin seperti pemimpin parti politik atau organisasi yang berupaya memimpin atau mengarah sesebuah kumpulan atau organisasi. Berdasarkan kajian beberapa ilmuwan, terdapat beberapa istilah yang diguna pakai dalam al-Quran dan hadis bagi menggambarkan konsep pemimpin dan kepimpinan dengan menyebut khalifah, imam atau imamah atau aimmah. Kepimpinan yang sangat dituntut adalah terdiri daripada tiga bahagian, iaitu kepimpinan menegak, dalaman dan melintang yang melibatkan ketaatan kepada Allah SWT, kerjasama sesama makhluk dan penghormatan terhadap lain-lain ciptaan Allah SWT (Zakaria, 2017). Pemimpin dilihat dan melihat dalam pelbagai perspektif dan pendapat yang berbeza-beza. Oleh yang demikian pendapat dan pandangan yang dicipta terbentuk dalam pelbagai corak dan fungsi. Perkara ini dijelaskan berdasarkan ayat al-Quran berikut:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksud: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada ahlinya, dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, supaya kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah mendengar dan melihat.

*Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*

(Surah *al-Nissa*, 4: 58)

Melalui kedua takrif tersebut dapat dilihat kesamaan terhadap pengertian pemimpin tersebut dari segi kemahiran mempengaruhi orang lain bersama-sama dalam melaksanakan tugas bagi mencapai sasaran tertentu. Sesebuah organisasi pastinya akan berfungsi dengan baik jika pemimpin mempunyai keupayaan dan berkarisma terhadap tugasnya. Setiap pemimpin juga mempunyai sifat dan keterampilan yang berbeza-beza seperti teknikal, kemanusiaan dan konseptual. Dalam sesebuah organisasi, setiap pemimpin memerlukan usahasama daripada golongan bawahan dalam memastikan pelaksanaan tugas dan sasaran dapat dicapai. Oleh yang demikian, pemimpin itu sendiri perlu merancang pelan tindakan secara jelas dalam memastikan peringkat bawahan memahami segala keperluan dan matlamat tugas tersebut. Kadangkala perbezaan menjadi perubahan besar yang menyebabkan ketidak seimbangan tugas dan ciri-ciri institusi itu sendiri. Pemimpin sangat berperanan dalam masyarakat, jesteru itu setiap ahli masyarakat perlu jelas berkenaan kelayakan yang perlu ada oleh setiap pemimpin dalam memilihnya sekiranya berkemampuan. Hal ini kerana dalam institusi berkemungkinan ianya agak sukar tambahan pula sekiranya ia adalah organisasi dari pemilikan oleh individu.

## FUNGSI PEMIMPIN MENURUT ISLAM

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisa' dengan menggariskan beberapa keperluan yang harus dipenuhi oleh seseorang pemimpin. Hal ini menjadikan fungsi pemimpin itu lebih jelas dan tidak longgar dalam melaksanakan hukum Allah disamping melaksanakan tanggungjawab terhadap masyarakat. Empat perkara digariskan berdasarkan keutamaan dalam menunaikan amanah kepimpinan, seperti yang berikut:

- (1) Allah sahaja yang wajib ditaati dan merupakan pengakhiran kepada tahap kepimpinan.
- (2) Meletakkan Rasulullah sebagai tempat ketaatan dan kesetiaan bagi mencapai keredhaan kepada Allah SWT.
- (3) Golongan pemimpin yang diberikan kepercayaan memerintah perlu diberi kepercayaan sepenuhnya memimpin masyarakat berlandaskan ajaran Islam.
- (4) Al-Quran dan sunah diletakkan sebagai sandaran terulung yang menjadi pegangan serta panduan terutamanya dalam rujukan perundangan dalam masyarakat.

Perkara ini lebih jelas apabila dilihat bersarkan ayat al-Quran berikut:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksud: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu*



*memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat (58). Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya (59).*

(Surah al-Nisa, 4: 58-29)

Berdasarkan ayat al-Quran diatas, setiap pemimpin perlulah memastikan keutamaan tersebut dipenuhi sepenuhnya tanpa mengentepikan apa yang dianjurkan oleh Allah SWT. Setiap pemimpin haruslah bertaqwa dan mempersiapkan diri sepenuhnya untuk tunduk dan patuh pada Allah SWT agarjalan yang dibentuk melalui kepimpinan itu berdasarkan saranan syariat Islam sepenuhnya. Pemimpin juga perlu yakin dalam apa sahaja yang dilaksanakan dalam kepimpinan itu haruslah semua dilakukan demi Allah SWT sebagai tahap terakhir dalam kepimpinan. Amanah yang dipertanggungjawabkan juga merupakan suatu anugerah daripada Allah SWT kepada pemimpin dan seharusnya mereka lebih tunduk dan patuh atas segala rahmat Allah kepada mereka. Sesungguhnya setiap insan sedar bahawa Allah SWT adalah maha pencipta dan berkuasa atas semua mahluk ciptanya sama ada dilangit mahupun di bumi.

Masyarakat juga seharusnya menjadikan pemimpin contoh dan teladan terbaik dalam memastikan kepimpinan itu dibentuk dengan suatu corak yang harmoni selagi mana ianya tidak bercanggah dengan hokum Islam. Malaysia meruapakan sebuah Negara Islam didunia sebagai contoh mengamalkan pemerintahan menjunjung agama Islam sebagai agama rasmi negara. Walaupun Malaysia hidup dalam kelompok masyarakat madani, namun toleransi diantara kaum menjadikan keharmonian menjadi subjek utama dalam pemerintahan negara. Seharusnya Malaysia menjadi contoh terbaik kepada negera-negera Islam didunia dalam membentuk corak pemerintahan. Hal ini jelas kerana amalan pemerintahan yang dianjurkan Islam diamalkan dan menjadi satu panduan walaupun bukan dari kalangan masyarakat Islam itu sendiri.

## **TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN TERHADAP MASYARAKAT**

Sebagai memahami tanggungjawab seseorang pemimpin, semua ahli masyarakat perlulah sedar tanggungjawab sebagaimana yang perlu ada kepada setiap pemimpin. Tanggungjawab yang diberikan adalah satu anugerah daripada Allah SWT atas kemampuan individu itu berdasarkan norma dan kekuatan pemimpin itu sendiri. Seseorang yang dipilih menjadi pemimpin sesebuah kelompok masyarakat pastinya mempunyai nilai atau kualiti terbaik dibandingkan dengan individu lain dalam masyarakat. Islam menggariskan penilaian martabat seseorang manusia adalah berdasarkan amal ibadat yang mereka lakukan melibatkan urusan fardu ain dan fardu kifayah. Melihat kepada kepimpinan terdahulu, Islam berada dipuncak kejayaan dan mampu menguasai dunia dalam segala aspek dan menjadikan dunia berubah atas tangan-tangan pemimpin Islam (As-Sirjani, 2009). Islam juga menggariskan ketetapan hukum yang menjadi panduan kepada manusia dalam melakukan ibadat sebagai contoh wajib, sunat, haram, harus, makruh serta lain-lain lagi. Konsep yang dieujudkan ini memberikan manusia memahami dan berdisiplin terhadap diri dan membawa kepada kekuatan dalam menggalas tanggungjawab sebagai pemimpin masyarakat yang terbaik. Pemimpin seharusnya mempunyai inisiatif menyelesaikan permasalahan dan merancang hala tuju yang jelas melalui penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang (Suhana Mohamed, Disember 2012). Allah SWT menjanjikan kepada setiap pemimpin limpahan kebaikan apabila semua kebaikan dan amalan dilaksanakan demi Allah SWT sepenuhnya. Hal ini sesuai dengan

hadis yang diriwayatkan oleh Yahya bin Hussayn yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda (Muslim, t.th.: 1298):

إِنْ أَمَرَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ مُجَدَّعٌ حَسِبْتُهَا قَالَتْ أَسْوَدُ يَقُودُكُمْ بِكِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى فَاسْمَعُوا لَهُ وَأَطِيعُوا

Maksud: *Jika kalian dipimpin oleh seorang hamba sahaya yang berhidung cacat-aku rasa baginda SAW mengucapkan, 'berkulit hitam' yang akan memimpin kalian dengan kitab Allah, maka dengar dan taatilah ia.*"

(Muslim)

Kepimpinan adalah satu tuntutan agama (ibadah) manakala menunaikan tugas kepimpinan adalah satu amanah. Rasulullah SAW dengan tegas mengingatkan menerusi sabdanya melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA (Al-Bukhari, 2001: 6496):

إِذَا ضَيَّعَتِ الْأَمَانَةَ فَاَنْتَظِرِ السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِضَاعَتُهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَاَنْتَظِرِ السَّاعَةَ

Maksud: *Jika amanat disia-siakan, tunggu saja kehancuran terjadi.*" Ada seorang sahabat bertanya; 'bagaimana maksud amanat disia-siakan? Nabi menjawab; "Jika urusan diserahkan bukan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancuran itu.

(Al-Bukhari)

Setiap pemimpin yang dipilih mestilah mempunyai kemampuan dan kemahiran dalam memimpin kerana kegagalan dalam memimpin akan menyebabkan berlaku banyak ketidakseimbangan yang membawa malapetaka kepada sesebuah masyarakat tersebut. Masyarakat perlulah sedar akan ingatan yang digariskan oleh Allah SWT ini. Pemimpin yang tidak amanah dan bertanggungjawab mendatangkan mudarat besar kepada ekosistem pentadbiran dan mengundang permasalahan kelak.

## PEMIMPIN LINDUNGAN ALLAH

Setiap pemimpin bertanggungjawab memastikan segala keperluan dan kehendak sesuatu institusi masyarakat itu dipenuhi. Namun terdapat perkara yang wajib diberikan keutamaan oleh setiap pemimpin dalam memastikan perlindungan Allah SWT sentiasa memayungi kepimpinannya. Kewajipan tersebut meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Seseorang pemimpin wajib meletakkan ketaatan yang tinggi kepada Allah dan Rasul-Nya serta mengamalkan setiap suruhan yang diperintahkan kepadanya. Setiap pemimpin perlulah menjauhi dan meninggalkan segala kemungkarannya yang membawa kepada keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat. Selain itu pemimpin juga perlu menahan tekanan hawa nafsu dan memastikan dirinya sentiasa diperkukuhkan dengan nilai iman, amal dan ilmu yang mampu membawa kepada keteguhan kepimpinan dan keredhaan Allah SWT.
- (2) Setiap pemimpin perlulah terbuka dalam berbincang atau bermusyawarah dengan ahli masyarakat sebagai suatu platform bagi mendapatkan keputusan terbaik yang membawa kepada keutuhan masyarakat seluruhnya. Sikap dengki dan khianat serta melampaui batas

dalam berbahas hendaklah dikikis bagi memastikan keputusan yang diperolehi memberikan manfaat terbaik kepada semua. Saidina Umar ibn al-Khattab pernah mengatakan bahawa:

*"Aku menyeru kamu sekalian tidak lain kecuali kamu bersama-samaku untuk memikul beban amanah yang diberikan kepadaku untuk mentadbir ummah. Aku hanya salah seorang daripadamu, dan hari ini kalian lah manusia yang mempersaksikan kebenaran ini. Sesiapa yang ingin berbeza pendapat denganku mereka boleh berbuat demikian. Dan sesiapa yang ingin bersetuju denganku mereka boleh berbuat demikian Aku tidak akan memaksa kalian untuk tunduk kepada keinginanku."*

- (3) Setiap pemimpin mestilah adil dan saksama dalam membuat sesuatu bertindak dan segala tindakan yang diambil mestilah tidak mendatangkan kezaliman atau menzalimi pihak lain dalam masyarakat. Keadilan merupakan suatu perkara yang amat dipandang serius dan dititikberatkan oleh agama Islam. Keadilan merupakan tunjang utama dalam mengukuhkan sesebuah pemerintahan. Keadilan juga merupakan ikatan yang dapat menautkan rukun dan kasih antara pemimpin dan golongan yang dipimpin. Selain itu, keadilan juga menjadi jaminan utama sesebuah negara itu kekal aman, damai dan harmoni di bawah lembayung rahmat Allah SWT.
- (4) Setiap kepimpinan sentiasa menginginkan ketinggian ilmu, akhlak dan moral setiap ahli masyarakat. Semua ini adalah sumber yang sangat penting dalam memacu kecemerlangan sesebuah negara. Penghayatan nilai-nilai ini dibuktikan melalui sejarah terdahulu dimana ketinggian ilmu pengetahuan, akhlak dan iman mampu mengukuhkan penguasaan sesebuah negara dan menjadi penakluk paling berkuasa dimuka bumi. Namun, keruntuhan akhlak, nilai ilmu dan iman juga membuatkan beberapa kerajaan Islam hancur dan menjadi peninggalan sejarah akibat kepimpinan yang banyak melakukan dosa serta kemungkaran kepada Allah SWT.
- (5) Sentiasa mencegah kemungkaran dan menegakkan amalan baik disetiap pejuruan kehidupan bermasyarakat walaupun ianya sekecil-kecil amalan dan terlindung dari pandangan mata manusia. Semestinya perkara ini berdepan kesukaran kiranya ia tidak diamalkan dari keimanan yang tinggi dalam diri setiap individu. Pemimpin juga mestilah bersedia dalam membuat keputusan yang adil terhadap penyelesaian masalah dengan menghakimi masyarakat berlandaskan kepada tuntutan Allah SWT. Pemimpin juga perlu sedar keputusan yang dikeluarkan berdasarkan fatwa atau ketetapan peraturan akan menjadi panduan seluruh masyarakat dalam melaksanakan urusan kehidupan.
- (6) Pemimpin perlulah sedar bahawa setiap tindakan dan perlakuan mereka sentiasa dipandang dan menjadi ikutan seluruh ahli masyarakat. Oleh yang demikian setiap pemimpin haruslah menjadi contoh terbaik kepada golongan yang dipimpinnya. Dalam menganjurkan agar kepimpinan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW adalah yang terbaik. Pandangan dan buah fikiran Rasulullah SAW adalah yang terbaik dan ianya datang dari Allah SWT.
- (7) Sebagai pemimpin yang bertanggungjawab dan berwibawa, pemimpin seharusnya memastikan perpaduan, keharmonian dan keamanan masyarakat. Perkara ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab kepada pemimpin sahaja malah menjadi tanggungjawab setiap lapisan masyarakat untuk mengekalkan perpaduan, keharmonian dan keamanan. Masyarakat berbilang bangsa seperti di Malaysia seharusnya lebih peka terhadap tanggungjawab mengeratkan hubungan semasa bangsa agar perpaduan yang dibina terus kekal hingga ke akhirnya. Pemimpin juga perlu tegas dalam menetapkan undang-undang keatas semua individu tanpa membataskan perlaksananya berdasarkan bangsa tertentu sahaja. Hal ini boleh mnyebabkan ketidakseimbangan kaum yang boleh mencetuskan huru hara. Pemimpin juga seharusnya mencontohi kepimpinan terdahulu sebagai contoh semasa pemerintahan Saidina

Umar yang mana beliau sendiri meronda kawasan bagi mengetahui permasalahan dalam kalangan rakyatnya.

Hak mencegah kemungkaran pastinya melibatkan pemimpin itu sendiri dan memerlukan sokongan dari semua ahlinya. Ilmu pengetahuan yang tinggi mestilah mampu menjadikan pemimpin itu lebih adil dalam memerintah dan menjadi tempat merujuk setiap masyarakat disamping pemimpin itu sebagai contoh dan teladan terbaik seperti yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW sepanjang kepimpinannya suatu ketika dahulu. Kepimpinan yang baik juga mestilah menghargai segala pandangan pihak lain walaupun pandangan itu datang dari ahli yang paling rendah martabatnya dalam sesebuah institusi atau masyarakat tersebut.

## **PERBEZAAN SISTEM KEPIMPINAN ISLAM DAN BARAT**

Sejak berabad lamanya, dunia Islam dan Barat sentiasa dibuat perbandingan dalam pelbagai aspek kerana konsep yang ditonjolkan oleh keduanya melibatkan konsep yang agak berbeza. Konsep kepimpinan Islam berbanding kepimpinan sekular barat mempunyai perbezaan yang amat besar jika diteliti secara lebih mendalam. Konsep kepimpinan Islam berteraskan ketinggian keyakinan pada Tuhan berasaskan al-Quran dan hadis bagi memelihara agama serta menguruskan duniawi. Kepimpinan sekular barat pula lebih kepada keyakinan terhadap duniawi dan mentadbir berasaskan logik semata-mata (Hassan, 2013). Kepimpinan barat juga menonjolkan beberapa konsep seperti diktator, demokrasi, republik dan lain-lain lagi. Pemerintahan barat jelas menceritakan gaya kepimpinan dan berasaskan logik akal semata-mata. Keharmonian yang cuba dicapai adalah berdasarkan hak bersuara diantara semua ahlinya. Kepimpinan barat juga dianggap proses bagaimana seseorang mempengaruhi seseorang yang lain mahupun kumpulan bagi mencapai matlamat dalam situasi tertentu. Kepimpinan barat juga terdapat beberapa unsur yang menjadi keutamaan antaranya adalah individu dan kumpulan yang mana melibatkan hubungan antara sesama manusia, sumber fizikal, tugas atau peranan, tujuan serta situasi yang mempengaruhi kepuasan setiap manusia. Islam juga menganjurkan kepimpinan bermusyawarah melalui syura dan tidak memutuskan melalui paksaan yang dianggap oleh barat sebagai diktator. Namun begitu konsep syura juga digunapakai dalam sistem yang diwujudkan oleh barat, iaitu melalui pemerintahan demokrasi yang mengutamakan kebebasan bersuara dan keputusan melalui musyawarah (Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon, 2015).

Di samping itu, dalam konteks organisasi pula, kepimpinan adalah kaedah mempengaruhi golongan yang dipimpin untuk mendapatkan kerjasama dalam mencapai objektif organisasi serta hubungan interpersonal dengan golongan yang dipimpinnya. Namun begitu, dalam langkah mengekalkan status-quo, kuasa, pengaruh dan pangkat, kepimpinan menjadi sehalu dan pemimpin bersifat diktator yang mana tidak mendengar atau menerima pendapat daripada orang yang dipimpin. Mereka juga seolah-olah dipaksa oleh pemimpin untuk melaksanakan menerima segala perubahan objektif, matlamat, visi, dan misi yang diputuskan tanpa melakukan musyawarah serta keputusannya lebih mendorong kearah kepentingan sosial sahaja. Barat banyak mewujudkan pelbagai teori berkenaan kepimpinan namun semua membincangkan kepada gaya kepimpinan dalam membentuk sesebuah organisasi (Nurdin, 2014). Kepimpinan dari segi Islam pula ianya kepimpinan yang ditunjukkan oleh barat ini jauh berbeza berbanding dengan sifat islah yang mana dalam Islam kepimpinan itu dianggap taklif atau beban tanggungjawab dan bukannya suatu keistimewaan mahupun tasyrif (Tobah, 2015).

Di dalam satu hadis Rasulullah SAW pernah meriwayatkan bahawa pemimpin diibaratkan sebagai seorang pengembala yang diminta untuk bertanggungjawab keatas gembalanya. Hadis ini membuktikan bahawa tanggungjawab setiap pemimpin adalah amat besar sehingga apa sahaja yang dilakukan oleh ahli dibawahnya perlulah dipikul bersama oleh kepimpinan tersebut. Tanggungjawab pemimpin bukan sahaja sekadar memastikan keharmonian masyarakat tetapi perlu memandang jauh

terhadap kesinambungan fizikal dan mental, rohani dan jasmani semua ahli masyarakat seluruhnya. Masyarakat yang dibentuk juga mestilah sihat dari setiap aspek kehidupan dan menjalankan tanggungjawab sebagai masyarakat berlandaskan syariat Allah SWT. Jesteru, Islam menjelaskan Konsep kepimpinan Islam untuk panduan umat Islam berpandukan asas-asas berikut:

- (1) Berasaskan konsep khalifah Allah SWT yang menjelaskan bahawa setiap manusia bertanggungjawab memimpin dirinya, keluarganya serta sesiapa sahaja yang berada dibawah jagaanya. Hal ini bermakna setiap manusia dilahirkan sebagai pemimpin dan keupayaan kepimpinan sebenarnya wujud sejak manusia itu dilahirkan.
- (2) Tugas mencegah kemungkaran adalah tanggungjawab bersama seluruh masyarakat bersama pemimpin meliputi semua aspek kehidupan dalam menjamin kesejahteraan dan menghindarkan perbuatan yang keji dan mencegah yang mungkar seluruhnya. Tanpa usaha sama dari semua pihak, kemungkaran pastinya akan lebih sukar dibendung dan mampu menyebabkan masalah social yang lebih besar berlaku dalam masyarakat (Samed *et al.*, 2019; Idris *et al.*, 2019).
- (3) Teras Kepimpinan Islam mestilah bertunjangan kepada keikhlasan mutlak dalam semua tindakan mahupun perkara melibatkan ekonomi (Abdillah Azizy, 2004; Buang, 2005; Kadri *et al.*, 2012; Saari & Borhan, 2003; Sanip *et al.*, 2018), sosial (Fink, 1992; Jasmi, Hong, *et al.*, 2012; Jasmi, Razi, *et al.*, 2012; Mohd Noor *et al.*, 2013; Mustari *et al.*, 2015; Nawawi, 1983; Sahat, 2011; Siron, 2010; Zaid & Jasmi, 2012), politik (Abdullah *et al.*, 2012; Abu Bakar, 1993; Amal & Panggabean, 2004; Buchori, 2009; Jusoh & Jasmi, 2006), dan kebajikan (Mohd Saiden *et al.*, 2019). Keseluruhan elemen ini seharusnya digerakkan bersama kerana ianya mempunyai kaitan dan jalinan. Sesebuah negara yang pincang dalam mana-mana bahagian ini akan menyumbang kepada keruntuhan yang tidak dijangka.
- (4) Adalah menjadi suatu kewajipan melantik seorang pemimpin turut dinyatakan dalam hadis Baginda SAW yang bermaksud “Jika kamu bertiga, maka lantiklah salah seorang daripada kamu menjadi ketua”. Hal ini adalah amat penting kerana ketua mampu membawa kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran (Idris *et al.*, 2019; Samed *et al.*, 2019).
- (5) Tanggungjawab kepimpinan adalah meliputi keseluruhan urusan dunia dan akhirat yang mana mereka perlulah sedar akan tanggungjawab ini kerana ianya akan dipersoalkan di akhirat nanti (Jasmi, 2018e, 2018b, 2018l, 2018d, 2018j, 2018i, 2018m, 2018n, 2018f, 2018c, 2018a, 2018k, 2019d, 2019a, 2019b, 2019e, 2019c). Setiap pemimpin mestilah sedar hakikat ini dan memastikan tanggungjawab yang dipikul dengan penuh amanah tanpa mengeneipkan kepentingan masyarakat dan mengutamakan kepentingan diri sendiri.
- (6) Dalam konsep kepimpinan Islam tiada pemimpin yang maksum dan haram sekiranya melakukan pemujaan terhadap pemimpin. Setiap pemimpin adalah dipandang tinggi, namun pandangan yang diberikan seharusnya tidak melebihi keyakinan terhadap Allah SWT. Hal ini kerana ketaksuban yang tinggi kepada pemimpin mampu mengundang permasalahan sehingga melibatkan masalah akidah sekiranya bercanggah dengan ajaran Islam (Ismail & Jasmi, 2016; Jasmi & Tamuri, 2011).
- (7) Tiada istilah “*boss is always right*”, sekiranya seorang pemimpin melakukan keputusan atau mengarahkan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam dan bertentangan dengan perintah Allah maka orang dipimpin wajib ingkar. Dalam hadis yang lain Baginda SAW ada juga menyatakan bahawa “tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam perkara melibatkan maksiat kepada Allah SWT”.
- (8) Semua orang Islam disyorkan untuk menggunakan konsep syura dalam mendapatkan keputusan supaya keputusan yang diperolehi berlandaskan syariat Islam dan adil. Hal ini demi menjamin kesepakatan dalam masyarakat sentiasa wujud dan melahirkan sikap hormat menghormati dalam kalangan ahlinya secara kesepatan yang utuh.

- (9) Pemimpin yang dipilih mestilah seseorang yang layak, bertanggungjawab, dan mahir dengan tugas yang hendak disandangnya kerana tugas adalah amanah yang berat dan sekiranya tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan betul akan berdosa dan dihisab pada hari kiamat (Jasmi *et al.*, 2017; Zambri *et al.*, 2019; Alias *et al.*, 2019; Letchumanan *et al.*, 2019).

Manusia adalah khalifah dimuka bumi yang diberikan tugas oleh Allah SWT bagi melaksanakan ibadah disamping mencegah kemungkaran diatas muka bumi Allah. Teras utama dalam kepimpinan adalah keikhlasan dalam menjalankan tanggungjawab dan meninggalkan perkara yang diharamkan oleh Allah SWT. Bermusyawarah adalah sangat dianjurkan dalam membuat suatu keputusan agar keputusan terbaik dapat diperolehi. Setiap masyarakat juga perlulah tahu menilai dan memilih pemimpin yang dianjurkan oleh Allah SWT dalam menjamin kepimpinan yang terbaik kepada masyarakat. Pemimpin yang menjalankan suruhan Allah SWT ternyata mempunyai kekuatan yang sangat tinggi dan mampu menjadi contoh kepada keseluruhan masyarakat. Ikutan yang baik ini akan melahirkan ganerasi yang cemerlang dari segi rohani dan jasmani jesteru membawa kepada peningkatan pembangunan negara yang lebih cemerlang.

## RUMUSAN

Sebagai pemimpin dalam masyarakat, seseorang itu harus menerapkan nilai-nilai yang baik agar ianya menjadi contoh kepada ahli dalam masyarakat tersebut. Agama Islam hendaklah dijadikan sandaran dan keyakinan terhadap Allah SWT hendaklah diletakkan sebagai yang paling tinggi. Kepimpinan Rasulullah dan model yang ditunjukkan oleh baginda seharusnya menjadi ikutan oleh setiap pemimpin secara maksimum. Hal ini adalah perlu kerana pemimpin merupakan contoh terbaik dalam segala aspek kehidupan ketika ini yang menjadi perhatian setiap ahlinya. Jesteru, pemimpin juga seharusnya menerapkan nilai keagamaan dalam diri yang tinggi berlandaskan Al Quran dan hadis kerana ianya merupakan petunjuk yang paling baik sejak dulu hingga ke akhir zaman. Sebagai pemimpin yang menjadi contoh dan teladan kepada masyarakat, pemimpin itu juga haruslah membudayakan diri dengan nilai-nilai moral yang tinggi dan mengamalkannya dalam masyarakat. Hal ini kerana pengawamalan nilai-nilai murni ini akan membentuk masyarakat yang berdiri bersama pemimpin kearah satu tujuan dan matlamat yang sama. Kejayaan akan dicapai sekiranya sesebuah masyarakat bersama pemimpinnya menurut ajaran Islam sepenuhnya yang membawa kepada kerahmatan oleh Allah SWT selamanya. Rahmat Allah pastinya tidak terjangkau oleh akal namun nikmat keharmonian antara masyarakat pastinya sesuatu yang sangat sukar diperolehi tanpa usaha.

## RUJUKAN

- Abdillah Azizy, Ahmad Qodri. (2004). *Membangun Fondasi Ekonomi Umat: Meneropong Prospek Berkembangnya Ekonomi Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Abdullah, Mohamad Hafeezi, Rohaizan, Yuzairy Rozaidi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Wanita dan Politik*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Bakar, Junaidi. (1993). *Mahasiswa, Politik dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Alias, Hasbullah Hafiz, Abdul Hamid, Mohd Hakimi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Melayar Keluarga yang Cemerlang dalam Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.

- Amal, T.A., & Panggabean, S.R. (2004). *Politik syariat Islam: dari Indonesia hingga Nigeria*. (Sila letak nama Tempat): Pustaka Alvabet.
- As-Sirjani, Prof. Dr. Raghid. (2009). *Sumbangan Peradaban Islam pada Dunia*. In Pustaka Al-Kautsar (Ed.): Penerbit Buku Islam Utama.
- Buang, Amriah. (2005). Globalisasi Ekonomi dan Impaknya kepada Ruang Budaya Bandar Malaysia. *GEOGRAFIA Online*, 1(1), 46-55.
- Buchori, Didin Saefuddin. (2009). *Sejarah Politik Islam*.
- Fink, H. (1992). *Falsafah Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, Nik Karimah binti Nik. (2013). *Kepimpinan Mengikut Perspektif Islam*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Genting Highlands.
- Idris, Mohd Rafizan, Abd Rashid, Ramayadi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Konsep Amal Makruf dan Nahi Mungkar untuk Pembentukan Masyarakat Cemerlang*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*: Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Menjejaki Kecemerlangan Rasulullah S.A.W. dalam Pendidikan Keluarga Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Sambutan Maulid al-Rasul, Perkarangan Masjid Jamek Ladang Sri Gading Pekan Sri Gading Batu Pahat Johor. [http://eprints.utm.my/41143/1/JasmiKA2005\\_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdlmPendidikan.pdf](http://eprints.utm.my/41143/1/JasmiKA2005_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdlmPendidikan.pdf)
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Bukti Kewujudan Allah dan Kebenaran Al-Quran: Surah al-Baqarah (2: 21-25)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 2: Program Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018c). *Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah al-Baqarah (1: 1-5)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018d). *Hakikat Penciptaan Manusia dan Alam: Al-Baqarah (2: 28-29)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 8: Program Budaya al-Quran. 20hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018e). *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018f). *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7) (Vol. 1)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018g). *Karekter 7B Mukmin Cemerlang. Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018h). *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas kerja Dibentangkan di Program Budaya al-Quran. 27hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018i). *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 9: Program Budaya al-Quran. 27hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018j). *Metode Pengajaran Terbaik Buat Golongan Fasiq: Al-Baqarah (2: 26-27)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 7: Program Budaya al-Quran. 13hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018k). *Metode Pengajaran Terbaik untuk Golongan Fasiq: Surah al-Baqarah (2: 26-27)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018l). *Penentang Kemukjizatan al-Quran Tempah Neraka: Al-Baqarah (2: 23-25)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 6: Program Budaya al-Quran. 30hb. Ogos 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018m). *Perseteruan Iblis Terhadap Manusia: Al-Baqarah (2: 34-39)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 10: Program Budaya al-Quran, 25hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018n). *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 11: Program Budaya al-Quran, 22hb. November 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019a). *Ciri Ketubanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 24: Program Budaya al-Quran, 4hb Julai 2019, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019b). *Ciri Ketubanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019c). *Hakikat Sebenar Agama Nabi Ibrahim AS: Surah al-Baqarah (2: 130-135)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 26: Program Budaya al-Quran, 18hb Julai 2019, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019d). *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 23: Program Budaya al-Quran, 4hb April 2019, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019e). *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019f). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Hong, Foo Chee, & Shamsuddin, Shazmeen Daniar. (2012, 22 September 2012). *Perkembangan Sosial Anak dan Hubungannya dengan Rakan Sebaya*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Razi, Mohd. Rafeez, & Shidun, Mohamad Shafiq. (2012, 22 September 2012). *Toleransi dan Aktiviti Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Saleh, Siti Fauziyani Md, & Ismon, Masrom Zanaria. (2017). *Kemahiran Menyeluruh Remaja dalam Kehidupan*. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Pembangunan Kemahiran Diri Remaja Menurut Islam* (Vol. 3, pp. 89-112). Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Suratman, Azmi Shah. (2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif Al-Imam-Al-Nawawi*.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.



- Jusoh, Yahaya, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pendidikan Politik dan Khilafah Islam dalam Pelbagai Perspektif*: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Kadri, Zarina , Ahmad, Sanep , & Mohd Noor, Mohd Ali (2012). Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Jilid 2*.
- Kamus Dewan*. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Letchumanan, Usha Devi, Zulkifli, Zaki, & Basiron, Bushrah. (2019). *Pendidikan Anak-Anak dalam Keluarga: Peranan Ibu Bapa*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, Jasmi, Kamarul Azmi, & A Shukor, Khairunnisa. (2013, 17-18 September 2013). *Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kertas Kerja Dibentangkan di Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13], The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Saiden, Shahrulnizam, Aswan, Ruslan, & Marni, Nurazmallail. (2019). *Peranan Non-Government Organisation (NGO) Dalam Komuniti Masyarakat Menurut Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon, Kawangit, Rosli Saadan, Zanariah Jan, Razaleigh Muhamat @, A'dawiyah Ismail. (2015). *Teori Gaya Kepimpinan Barat Diadaptasi Daripada Teori Gaya Kepimpinan Islam (Al-Quran)*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka, , Melaka, Malaysia.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustari, Mohd Ismail, Balakrishnan, Prabakar, & Sundar, Sri Theran. (2015). Mahasiswa dan Kegiatan Sosial. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam: Penampilan, Kesihatan, dan Kegiatan Sosial* (Vol. 3). Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Nawawi, Razali. (1983). *Pendekatan Islam terhadap keadilan sosial*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Nuridin, Ridwan. (2014). *Kualiti Kehidupan Kerja, Kesetiaan Pekerja Dan Kepemimpinan Bertauhid*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Tubah, Jamaludin. (2006). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributers Sdn Bhd.
- Saari, Che Zarrina, & Borhan, Joni Tamkin. (2003). Pembangunan Ekonomi Masjid (Economic Development of Mosque). In Norrodzoh Siren & Yusmini Md Yusoff (Ed.), *Pembangunan Institusi Masjid (Development of Mosque Institution)* (pp. 43-58). Kuala Lumpur: Dept. Of Dakwah and Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
- Sahat, Yusri. (2011, 23/01/2011). Tegakkan Keadilan Sosial. Retrieved from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=0123&pg=mh\\_01.htm&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&y=2011](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=0123&pg=mh_01.htm&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&y=2011)
- Samed, Murni Hayati , Salman, Maziah Mohd , & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Konsep Amar Makruf dan Nahi Mungkar dalam Kerukunan Keluarga*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.

- Sanip, Siti Faraiza, Abu Bakar, Halimahtun Saadiah, & Ihwani, Siti Suhaila. (2018). *Perkembangan Sains, Hukum, Teknologi dan Ekonomi di Dunia Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun Islam 2018, Bilik Kuliah 6, Blok N28, Universiti Teknologi Malaysia.
- Shukeri Mohamad, Ahmad Najib Abdullah, Mohamad Azrien Mohamed Adnan. (2012). *Rahsia Kepimpinan Islam dan Kejayaan Negara Menurut Huraian al-Quran*. 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012.
- Siron, Rusinah. (2010). Remaja dan Masalah Sosial. *Utusan Malaysia*.
- Suhana Mohamed, Norhayatie Ramlee, Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen. (Disember 2012). *Isu-Isu Kontemporari Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu*. UTeM, Johor, Malaysia.
- Tobah, Selma. (2015). *Muslim Leaders' Understandings of Mental Health, Mental Illness, and Depression in Immigrant Women and Those Found in Consumer Health Materials: A Discourse Analysis*. (Graduate Program), Western University.
- Wei, Se Kuan, Yoong, Chin Sam, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 22 September 2012). *Semangat Kekitaan dalam Sesebuah Keluarga*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaid, Siti Salwa, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Pendidikan Sosial Menurut Imam al-Nawawi: Satu Kajian Teks terhadap Kitab Riyad al-Salihin*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zakaria, Ahmad Tarmizi Bin. (2017). *Metodologi Kepimpinan Menurut Al-Qur'an*. Universiti Malaysia Selangor, Selangor.
- Zambri, Zairie Sahira, Abdullah, Fazlin, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Kemahiran Penting Ibu Bapa untuk Pembentukan Keluarga Cemerlang*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.